

Kepada : Semua Pelajar Politeknik Tawau Sabah
Daripada : Pengarah
Salinan Kepada : Timbalan Pengarah Akademik
Timbalan Pengarah Sokongan Akademik
Ketua Unit Hal Ehwal Pelajar
Tarikh : 04 September 2024
Ruj. Fail : PTS.100-1/5/8 (76)

Tuan,

PERATURAN MEMBAWA KENDERAAN PELAJAR POLITEKNIK TAWAU SABAH

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Selaras dengan arahan dalam Buku Garis Panduan dan Peraturan Politeknik dan Kolej Komuniti yang diterbitkan oleh Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar Edisi Pertama Tahun 2024, semua pelajar perlu mematuhi arahan berikut:

Perkara 10.13: Lalu Lintas Di Kawasan Kamsis / Asrama / Kolej Kediaman:

- 10.13.1 Pelajar **TIDAK** dibenarkan membawa kenderaan ke kamsis / asrama/ kolej kediaman.
- 10.13.2 Pelajar bukan penghuni kamsis / asrama / kolej kediaman **TIDAK** dibenarkan membawa/ meletakkan kenderaan di kawasan kamsis / asrama / kolej kediaman.

3. Oleh yang sedemikian, hanya pelajar yang tinggal di kediaman luar sahaja yang dibenarkan membuat permohonan pelekat kenderaan melalui SPMP dan **DIBENARKAN** meletakkan kenderaan di kawasan parkir Blok Akademik PTS sahaja.

4. Arahan ini berkuat kuasa **SERTA MERTA** dari tarikh memo ini dikeluarkan.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD SAHRAN @ AWANG BIN MOHIDIN)